

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1999/2000**

FEBRUARI 2000

RPK 343 – Aspek-Aspek Sosial Dalam Perancangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan. **Soalan No. 1 adalah WAJIB**

1. (a) Bincangkan kemunculan angkatan petunjuk sosial di Eropah pada awal tahun 1970'an.

(15 markah)

- (b) Nyatakan bagaimana konsep petunjuk sosial relevan kepada pembangunan di Malaysia? Huraikan masalah-masalah teoritikal dan operational untuk memajukan petunjuk sosial sebagai alat dalam menganalisis masalah sosial.

(25 markah)

(40 MARKAH)

2. Pada asasnya, konsep **sosial** dalam perancangan dan pembangunan adalah penting ditafsirkan dengan betul dan tepat. Nyatakan ciri-ciri perbezaan dan persamaan “aspek sosial” dan “perancangan sosial”.

(20 MARKAH)

3. “Pembangunan mapan” kini merupakan konsep yang paling popular dalam perancangan dan pembangunan. Bincangkan maksud yang tersirat dalam konsep ini.

(20 MARKAH)

...2/-

4. Pembangunan pesat di negara ini pada abad 21 ini mendesakkan penglibatan serta penyertaan rakyat secara amnya. Bincangkan pendapat bahawa peranan ahli perancang sosial/komuniti adalah penting dalam konteks pembangunan sedemikian.

(20 MARKAH)

5. 'Kualiti kehidupan' merupakan satu matlamat yang penting dalam pembangunan sesebuah petempatan. Huraikan petunjuk-petunjuk yang sesuai dan tepat bagi menilai prestasi petempatan bandar tertentu.

(20 MARKAH)

6. Telah disimpulkan bahawa kaedah-kaedah penilaian Penilaian Impak Alam sekitar dan Penilaian Impak Sosial (EIA & SIA) tidak boleh membuat keputusan dengan sendirinya. Bincangkan bagaimana kaedah-kaedah ini masih berguna dalam perancangan dan pembangunan.

(20 MARKAH)

oooOOooo